

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENDAHULUAN TAJUK

(1) PENGENALAN

Perdebatan dikalangan khalayak umat dan para Sarjana Islam mengenai masalah pengamalan dualisme¹ dalam ilmu pengetahuan dan kemasukan unsur-unsur sekularisme² serta ketidakjelasan atau kabur mengenai gagasan Pengislaman Ilmu yang menjadi ubat kepada masalah di atas, telah menyebabkan penulis terpanggil untuk membuat suatu kajian ilmiah terhadapnya.

Ketidak jelasan sehingga melakukan tanggapan salah terhadap usaha murni proses Pengislaman Ilmu, seperti anggapan bahawa ilmu tidak perlu diislamkan kerana sudah Islam, tidak dapat tidak perlu diperjelas dan dirangkaikan, dengan landasan batu asas, bahawa Pengislaman Ilmu tidak bermaksud ingin mengislamkan ilmu yang sedia ada, sebaliknya ia lebih kepada mengabung, menyepadukan dan mendekatkan dua disiplin ilmu yang berbeza, iaitu disiplin warisan tradisional Islam dengan disiplin ilmu moden barat lalu dititipkan dengan visi Islam selepasnya. Justeru itu, usaha ini tidak dapat tidak

¹Dualisme, adalah asal daripada Bahasa Latin Dualis, yang membawa erti keyakinan adanya Ilah yang baik dan jahat. Atau terhimpun dari dua asas yang berbeza iaitu, iradah (akal) dan jisim (roh). [Dr. Jamil Söliba (1982), *Mu'ajam al-Falsafi*, Beirut, Lubnān :Dār al-Kitāb al-Lubnāni, Jilid 1, h. 380].

²Sekularisme, Asal dari Bahasa latin, Saeculum, yang bermaksud sesuatu generasi atau zaman, secara jelasnya sekularisme adalah fahaman, doktrin, pendirian dan sebagainya yang menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada unsur-unsur yang tidak bersangkutan dengan agama seperti pentadbiran awam dan lain-lain. [Dewan Bahasa dan Pustaka (1997), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi 3, h. 1213].

perlu disegerakan pelaksanaannya, demi menyelamatkan dan meredakan kegelisahan dan kecelaruan dikalangan khalayak umat Islam.

Menyedari hakikat betapa pentingnya permasalahan ini dirungkaikan, membuatkan penulis tertarik untuk menjalani satu kajian tentang teori Pengislaman Ilmu yang diilhamkan oleh Ismā'īl Raj'ī al-Farūqi, dan praktiknya terhadap Sijil Terbuka (SPM/KBSM) yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penulis memahami, bahawa tajuk disertasi ini terlalu sukar untuk diselidiki. Lebih-lebih lagi berkaitan dengan pelaksanaannya di dalam sistem Pendidikan Malaysia hari ini. Walau bagaimanapun, demi untuk menyingkap rahsia dan sumbangan besar yang telah diusahakan oleh seorang pemikir agung iaitu Allahyarham Profesor Dr. Ismā'īl Raj'ī al-Farūqi, dalam cita-citanya ingin melihat segala ilmu pengetahuan samada ilmu warisan tradisional dan ilmu moden barat disepadukan dan dimasukkan visi Islam, maka penulis mengagahinya untuk menyelidik tajuk disertasi ini.

Pelaksanaan Konsep Pakej Sijil Terbuka (SPM) Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2000, penulis andaikan sebagai penyambung usaha murni al-Farūqi merealisasikan cita-cita Pengislaman Ilmu tersebut. Seperkara yang lebih mengoptimis dan memberikan motivasi kepada penulis dalam kajian ini, adalah lantaran Konsep Pakej Sijil Terbuka ini merupakan pelengkap dan penyempurna kepada Falsafah Pendidikan Negara (FPN) (1988) serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (1988), yang sedikit

sebanyak dalam sudut leteralnya mempunyai unsur-unsur serta elemen Pengislaman Ilmu.

Andaian penulis ini mungkin didokong oleh suatu pandangan yang jitu kepada pelaksanaan Konsep Pakej Sijil Terbuka, yang sedikit sebanyak penulis andaikan mempunyai unsur-unsur persamaan dengan gagasan Pengislaman Ilmu al-Farūqi. Seperti objektif, visi, kesepaduan ilmu, pengkelasan ilmu mengikut skema masing-masing serta pertaliannya dengan epistemologi Islam.

(2) **PENGERTIAN TAJUK DAN RUMUSAN MASALAH.**

Memahami pengertian tajuk dalam sesuatu kajian merupakan suatu prasyarat untuk mencapai matlamat. Lantaran itu, bagi menjelaskan definisi tajuk kajian, penulis telah membahagikan beberapa frasa penting daripada tajuk tersebut. Definisi yang akan dinukilkan oleh penulis di sini, adalah definisi ringkas dan padat :-

Pengislaman Ilmu : merupakan dua frasa ayat yang dicantumkan, iaitu Pengislaman dan Ilmu.

Pengislaman adalah pecahan imbuhan daripada kata asal Islam, yang membawa maksud agama suci dari Allah yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW.³ Sementara pengislaman pula, membawa erti perbuatan

³Kamus Dewan (1997, *Ibid*, h. 501.

mengislamkan sesuatu samada individu atau kumpulan manusia.⁴

Selain daripada perkataan pengislaman, perkataan Islamisasi juga biasa digunakan, iaitu bermaksud suatu proses atau usaha menjadikan seseorang patuh atau sejajar serta sesuai dengan ajaran Islam.⁵ Dan perkataan Islamisasi diambil daripada perkataan Inggeris “*Islamization*” dari kata asal (*Islamize*, *Islamise*) yang membawa maksud mengislamkan.⁶ Sementara dalam Bahasa Arab disebut “*al-Islāmiyāt* “.

Manakala perkataan ilmu pula, membawa pengertian yang berbagai-bagai, antaranya :- Ilmu membawa maksud pengetahuan atau kepandaian yang didapati melalui proses mengenal yang diperolehi melalui pengalaman (orang, benda, fakta)⁷. Dan penakrifan ini hampir sama, dengan maksud *knowledge* dalam Bahasa Inggeris⁸, atau *ma'rifah* dan *shu'ūr* dalam Bahasa Arab.

Perkataan ilmu yang diguna pakai dalam Bahasa Melayu, diambil daripada Bahasa Arab “*al-Ilm* “ atau timbangan katanya *ā'lama*, *ya'lumū*, *ilmān* yang membawa maksud mengetahui, mengenali serta mengesahkan sesuatu.⁹

⁴*Ibid.*

⁵*Ibid.*

⁶Dewan Bahasa dan Pustaka (1999), *Kamus Inggeris-Melayu Dewan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 801.

⁷Kamus Dewan(1997),*Op. Cit*, h. 483.

⁸Fowler F.G And Fowler Hiw(1978), *The Pocket Oxford Dictionary*,United Kingdom : Oxford, Uni, Claredon Press, h. 375.

⁹Al-Munāzamah al-Arābiyah Lil Tarbiyah Wal Thaqāfah Wal Ulūm (1989),*Al-Mu'jam al-Arabi al-Asāsi*,Kaherah, Mesir : al-Munāzamah al-Arābiyah Lil Tarbiyah Wal Thaqāfah Wal Ulūm, h. 860.

Kata akar *ʿālama* dan pecahan katanya diulang sebanyak 789 kali oleh Allah SWT dalam al-Quran. Dan ini tidak termasuk perkataan "*ʿālamīn*"¹⁰.

Dalam Bahasa Melayu, perkataan ilmu sering digandingkan dengan pengetahuan, iaitu sifat untuk menerangkan peri hal mengetahui, menerangkan apa-apa yang diketahui serta menunjukkan kepandaian serta kebijaksanaan.¹¹ Lantaran itu, ilmu dan pengetahuan ditakrifkan oleh tokoh pemikir Islam dengan pelbagai penakrifan, antaranya :-

- (a) Fakhrudin al-Rāzi (1149m – 1209m), mendefinisikan ilmu sebagai apa yang diketahui dan yang menghubungkan *al-ʿalīm* (orang yang mengetahui) dengan *al-maʿlūm* (benda yang diketahui). Dan ilmu pada pandangan beliau, mempunyai tiga unsur, iaitu pertamanya *Iʿtiqād* (pegangan atau kepercayaan), keduanya tidak bercanggah dengan kebenaran dan yang ketiganya pengesahan yang berasaskan gambaran yang sempurna dan teguh.¹²
- (b) Abu Ishāq al-Asfiraini (411H)¹³: Mentakrifkan bahawa ilmu itu adalah penjelasan (*al-Tabyīn*) terhadap yang diketahui (*al-Maʿlūm*).¹⁴

¹⁰Mohd Fuād Abdul Baqī (1987), *Al-Muʿjam al-Mufahris Lil al-Fāz al-Qurʾān al-Karīm*, Kaheerah, Mesir : Dār al-Hadīth, h. 469-480.

¹¹*Kamus Dewan, Op. Cit*, h. 1345.

¹²Fakhrudin al-Rāzi (1352H), *Mafātīh al-Ghayb*, Kaheerah, Mesir : Jilid 1, h. 142.

¹³Merupakan salah seorang Ulama Sunni semasa pemerintahan Kerajaan Fatimiyah di Mesir. Beliau juga adalah salah seorang guru pertama di Jami'ah al-Azhar (Universiti al-Azhar). [Abi Abas Syamsuddin bin Mohd (1968), *Wafiyat al-A'yun Wa Anbā' Abnā' al-Zamān*, Beirut Lubnān: Dar al-Saqālah: Jilid 1, h. 28].

¹⁴Abu Ishāq (1961), *al-Muhazāb*, Mesir : Matba'ah Isa al-Bābī al-Halabī, h. 7.

(c) Imām al-Harmain (419-478H / 1028-1085)¹⁵: Menjelaskan bahawa ilmu adalah jalan untuk menggambarkan hakikat ilmu dan membezakannya daripada yang lain.¹⁶

(d) Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attās : Telah mentakrifkan ilmu sebagai katanya....." *Kita telah mentakrifkan ilmu secara epistemologi sebagai ketibaan dalam kalbu seseorang tentang makna sesuatu perkara, atau ketibaan oleh kalbu tentang makna sesuatu...* ".¹⁷

(e) Profesor Osman Bakar : Menjelaskan bahawa ilmu adalah kalimah Allah SWT yang pengertiannya cukup luas sehingga kita menyebut Allah SWT sahajalah yang mengetahui.¹⁸

Disamping itu, para sarjana barat juga tidak ketinggalan memberikan penakrifan ilmu mengikut kaca mata mereka, antaranya :-

(a) Franz Rosenthal: Mendefinisikan ilmu, kepada dua belas kategori serta menyandarkannya mengikut kaca mata Islam. Antara pentakrifannya ialah:-

(i) Ilmu adalah proses untuk mengetahui.

(ii) Ilmu ialah kognisi (*al-Ma'rifah*).

(iii) Ilmu adalah suatu proses memperoleh atau mencari.

¹⁵Nama sebenarnya adalah, Abu Ma'āl bin Abdullah Abdul Malīk al-Juwaini, menjadi guru kepada Imām al-Ghazālī di wilayah Naisabur.[Abi Abas Syamsuddin bin Mohd, *Op. Cit*, h. 30].

¹⁶Abdul Malīk al-Juwaini (Imam al-Harmain) (1965), *Lama' al-Adālah Fi Qawā'id Aqā'id Ahli Sunnah Wal Jama'ah*, Tahkik Dr. Fauqiah Mahmud, Mesir : Matba'ah Amiriah, h. 10.

¹⁷Syed Muhammad Naquib al-Attās (1980), *The Concept Of Education In Islam*, Kuala Lumpur : Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), h. 44.

¹⁸Osman Bakar (1995), *Beberapa Aspek falsafah Ilmu : Konsep, Definisi, Pengkelasan dan Penggunaan*, Dalam kandungan Kesturi Jilid 5 (2), ASASI, h. 7.

- (iv) Ilmu ialah suatu proses penjelasan
 - (v) Ilmu adalah suatu bentuk (*sūrah*), konsep atau makna (*ma'na*)
 - (vi) Ilmu ialah kepercayaan
 - (vii) Ilmu adalah ingatan
 - (viii) Ilmu ialah gerak geri
 - (ix) Ilmu adalah satu istilah yang relatif
 - (x) Ilmu ditakrifkan dalam hubungan dengan perbuatan
 - (xi) Ilmu disifatkan sebagai penyangkal kejahatan
 - (xii) Ilmu ialah hasil intuisi yang datang dari luar atau sebagai hasil penyelidikan diri sendiri¹⁹
- (b) Francis Bacon (1561-1626)²⁰: Telah mentakrifkan ilmu sebagai “ *Impirical discovery* “ (Dapatan secara empirik atau pengalaman dan eksperimen).²¹
- (c) Rene Descartes (1595-1650)²²: Mendefinisikan ilmu sebagai yang bersifat umum diterima oleh seseorang serta meragukan, kerana ilmu bergantung pada sifat subjektif alam tabii'.²³
- (d) Immanuel Kant (1724-1804)²⁴: Mentakrifkan ilmu dengan bukanlah sekadar sekumpulan perasaan manusia, tetapi ia lebih kepada suatu konsep peralatan

¹⁹Franz Rosenthal (1970), *Knowledge Triumphant ; The Concept Of knowledge In Medieval Islam*, Leiden :E. J. h. 56-68.

²⁰Seorang Ahli Falsafah Inggeris.[Helicon Pub. Ltd (1994), *Webster's Concise Interactive Enclopedia*, Cambridge, USA : Attica Cybernetics Ltd., h. 671.

²¹*Ibid.*

²²Seorang Ahli Falsafah Francis.[*Webster's Concise Interactive Enclopedia*, *Ibid*, h. 701]

²³*Ibid.*

²⁴Seorang Ahli Falsafah berbangsa Jerman.[*Webster's Concise Interactive Enclopedia*, *Ibid*, h. 750]

yang membolehkan manusia memahami sesuatu, yang tidak dapat diperoleh melalui pengalaman.²⁵

Dari beberapa penakrifan ilmu yang telah diberikan di atas, samada mengikut penakrifan Islam atau barat, maka Pengislaman ilmu atau Islamisasi ilmu, serta dalam Bahasa Inggeris nya *Islamization of knowledge*, atau Bahasa Arab nya *Islāmiyāt al-Ma'rifah* ditakrif dan disimpulkan oleh Ahli Pemikir Islam seperti berikut :-

- (a)Profesor Ismā'īl al-Farūqī : Mentakrifkan Pengislaman ilmu sebagai proses menyepadukan antara ilmu tradisional dan ilmu moden lalu disusun semula dengan menerapkan prinsip-prinsip Islam dalam kaedah, strategi, data, masalah, objektif serta aspirasinya.²⁶
- (b)Profesor Muhammad Naquib al-Attās : Mendefinisikan Pengislaman ilmu sebagai proses penyaringan dan pembebasan manusia, pertama daripada tradisi tahyul, mitos, animis, kebangsaan dan kebudayaan, dan selepas itu (pembebasan) akal dan bahasa daripada pengaruh sekularisme, lalu dibawa kepada Pengislaman ilmu sepenuhnya.²⁷
- (c)Syekh Taha Jabir al-'Alwānī : Mentakrifkan Pengislaman ilmu sebagai suatu proses yang tidak bermaksud menggantikan ilmu-ilmu yang sedia ada dengan ilmu-ilmu baru yang telah di Islamkan. Ia juga bukan suatu ideologi *rigid*

²⁵ *Ibid.*

²⁶ Ismā'īl al-Farūqī (1989), *Islamization Of Knowledge : General Principles And Work Plan*, Herndon, Virginia, USA : International Institute Of Islamic Thought (IIIT), h. 15-16.

²⁷ Syed Muhammad Naquib al-Attās (1980), *Op. Cit*, h. 42.

atau suatu anutan keagamaan, tetapi merujuk kepada proses membina suatu metodologi untuk berurusan dengan ilmu dan sumbernya.²⁸

(d) Sayyed Hossein Nasr : Mendefinisikan Pengislaman ilmu sebagai proses mengintegrasikan pelbagai disiplin ilmu moden ke dalam “*world view*”/ *tasawwur* Islam. Atau merujuk kepada proses penulisan semula buku-buku teks peringkat universiti dan menengah tinggi.²⁹

(e) Dr. Gaafar Syeikh Idris : Mentakrifkan Pengislaman ilmu sebagai usaha terancang dan beransur-ansur yang akan membuahkan hasilnya satu masyarakat yang berpegang teguh kepada keseluruhan ajaran Islam dan semua aspek kehidupan masyarakat.³⁰

(f) Profesor Fazlur Rahman : Mendefinisikan Pengislaman Ilmu sebagai proses membina kembali ilmu Islam berdasarkan konsepsinya tentang pandangan alam normatif dalam bidang-bidang Teologi, Perundangan, akhlak, Falsafah dan Sains Sosial. Dan untuk menjayakan semua itu, terlebih dahulu satu gagasan metafizik Islam diperlukan.³¹

²⁸ Syekh Taha Jabir al-‘Alwānī (1995), *The Islamization Of Knowledge : Yesterday And Today*, Herndon, Virginia, USA : International Institute Of Islamic Thought (IIIT), h. 1-2.

²⁹ Sayyed Hossein, Nasr (1994), *A Young Muslim's Guide To The Modern World*, Kuala Lumpur : Mekar Publisher's, h. 130.

³⁰ Gaafar Syeikh Idris (1977), *The Process Of Islamization*, Indianapolis, USA : American Trust Publication, h. 1.

³¹ Fazlur Rahman (1982), *Islam And Modernity : Transformation Of Intellectual Tradition*, USA : University Of Chicago Press, h. 130-154.

(g)Abu Bakar Hamzah : Mentakrifkan Pengislaman ilmu sebagai usaha, untuk menyeru ke arah beramal dengan pengajaran syariat Islam.³²

Ismāīl Rajī al-Farūqī (1921 – 1986) : Merupakan tokoh yang dikaji dalam disertasi ini. Dan ianya seorang pakar dan pemikir Islam. Dilahirkan di Paeston dalam tahun 1924.³³

Keterangan lanjut mengenai biografinya akan penulis muatkan dalam bab kedua kajian ini. Cetusan idea Pengislaman ilmu telah dibentangkan oleh beliau di persidangan pengajian Islam, yang diadakan di Islamabad, Pakistan, pada tahun 1982.

Konsep Pakej Sijil Terbuka (SPM / KBSM) Kementerian Pendidikan Malaysia : Konsep ini akan penulis nukilkan secara terperinci dalam bab ketiga disertasi ini. Walau bagaimanapun di Muqadimah ini, penulis perjelaskan secara ringkas. Iaitu konsep ini mulai diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, pada tahun 1997. Sebagai pelengkap kepada pelaksanaan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) (1988) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (1988).

Terbuka dalam sijil, merujuk kepada kebebasan untuk calon peperiksaan memilih mata pelajaran-mata pelajaran yang ditawarkan dalam Kumpulan Teras dan Kumpulan Elektif. Calon juga diberi peluang memilih mengikut

³²Abu Bakar Hamzah (1990), *Pengislaman Dalam Konteks Masyarakat Berbagai Agama*, Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, h. 2.

³³Mohd Tariq Quraishi (1987), *Ismāīl al-Farūqī : An Enduring Legacy*, Indiana, USA : A MSA Publication, h. 7.

minat dan kemampuan masing-masing. Dan semua kelulusan mata pelajaran yang diambil akan dicatat dalam sijil.

2.4 Rumusan Masalah

Pengislaman ilmu yang dimaksudkan dalam tulisan ini adalah menyepadukan diantara warisan ilmu tradisional Islam dan ilmu-ilmu moden serta pengkelasan-pengkelasan skima ilmu tersebut. Impian penyepaduan ini, sudah menjadi satu usaha oleh kebanyakan negara Islam dan sarjananya, bagi dipraktik di dalam dunia pendidikan.

Oleh kerana masalah Pengislaman ilmu termasuk dalam cabang epistemologi dan sudah menjadi cita-cita manusia sejagat, maka dalam disertasi ini penulis ingin menyingkap usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Program Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) melaksanakan Konsep Sijil Terbuka Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bersesuaian dengan teori Pengislaman ilmu Ismāīl al-Farūqī. Ini diharapkan dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang kejayaan idea dan teori Pengislaman ilmu Ismāīl al-Farūqī dalam merealisasikan aspirasi pendidikan abad ini.

(3) OBJEKTIF PENYELIDIKAN

Dari definisi ringkas dan rumusan ringkas yang diberikan di atas dapatlah penulis membuat "*hepotisis*" andaian awalan kepada penyelidikan disertasi ini. Andaian tersebut adalah :-

- (a) Hasil daripada kajian itu nanti akan dapat menyingkap dan mengenali diri Allahyarham Ismā'īl al-Farūqī, sumbangan serta idea Pengislaman ilmunya.
- (b) Akan dapat suatu pendedahan baru, serta menghalusi rangka kerja Pengislaman ilmu yang telah diilhamkan oleh Profesor Ismā'īl al-Farūqī.
- (c) Memberikan suatu pengesahan yang meyakinkan melalui hasil kajian itu nanti, samada Konsep Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM) Kementerian Pendidikan Malaysia, mempunyai persamaan dengan idea Pengislaman ilmu Ismā'īl al-Farūqī terutama pada sudut teori pengkelasan ilmu.
- (d) Dari hasil kajian itu nanti, akan dapat membuat penerokaan awal kepada pemikiran Pengislaman ilmu Profesor Ismā'īl al-Farūqī, terutama kepada pengaruh dan praktiknya di Institusi Pendidikan Malaysia, supaya dengan itu akan membuka jalan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji konsep Pengislaman ilmu Profesor Ismā'īl al-Farūqī dengan lebih global.
- (e) Hasil kajian itu nanti akan menyingkap implikasi pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM) kepada guna tenaga manusia pada masa akan datang. Terutamanya dalam konteks penyepaduan ilmu pengetahuan Islam dan moden serta implikasi pengamalannya kepada guna tenaga manusia.

(4) SKOP DAN BIDANG PENYELIDIKAN

Bertepatan dengan tajuk kajian ini iaitu “Teori Pengislaman Ilmu Ismāīl al-Farūqī : Suatu kajian Terhadap Konsep Pakej Sijil Terbuka (SPM/KBSM) Kementerian Pendidikan Malaysia“. Maka penulis hanya menfokuskan kepada teori Pengislaman ilmu Ismāīl al-Farūqī yang berkisar kepada takrifan, sejarah bermulanya teori tersebut serta rangka kerja yang dilakukan.

Sementara Konsep Pakej Sijil Terbuka (SPM), penulis hanya menfokuskan kepada amalan yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam kajian ini, penulis akan menfokuskan kepada pakej dan kategori mata pelajaran yang ditawarkan dalam Persijilan Terbuka itu, tanpa membincangkan sudut teknikal peperiksaan, pemarkahan dan skor pengredan, laras soalan serta statistik pencapaian dan keberkesanan. Dan Pakej Sijil Terbuka itu, penulis akan fokuskan kepada sejarah pelaksanaan, falsafah, objektif Pakej, pengkelasan pakej serta kaitannya dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

(5) SUMBER DATA

Sumber data merupakan punca maklumat dan butiran yang telah dikumpul, dan akan menjadi asas bagi membuat sesuatu kajian dan analisa. Sumber data yang dipilih, semestinyalah yang merupakan sesuatu yang dapat dipertanggungjawabkan kebenarannya, samada yang berbentuk tulisan atau

Lantaran disebabkan penyelidikan perpustakaan memberikan maklumat dalam bentuk teori dan fakta, maka penulis akan mendapatkan bahan-bahan maklumat berkaitan di beberapa buah perpustakaan diantara perpustakaan yang terlibat adalah seperti berikut :-

- (i) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- (ii) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- (iii) Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa.
- (iv) Perpustakaan Tan Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- (v) Perpustakaan Islam, Pusat Islam Malaysia.
- (vi) Perpustakaan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- (vii) Perpustakaan Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.
- (viii) Perpustakaan Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(b) **Penyelidikan Lapangan**

Penyelidikan jenis ini akan penulis gunakan secara lapangan terhadap kes dan objek kajian. Penyelidikan ini akan penulis lakukan dengan berinteraksi dan berkomunikasi secara terus dengan pihak-pihak tertentu, khususnya yang berkaitan dengan kajian. Dalam hal ini, penulis akan menemui pegawai-pegawai tertentu di Kementerian Pendidikan, Ahli Akademik serta mereka-mereka yang terlibat dalam pengubalan Konsep Pakej Sijil terbuka (SPM).

Di dalam merealisasikan penyelidikan secara perpustakaan dan lapangan ini, penulis akan menggunakan metod-metod utama bagi mendapatkan maklumat serta bahan-bahan utama bagi melengkap dan menyiapkan kajian ini, iaitu :-

(i) Metod Pengumpulan data.

(ii) Metod Analisa data.

(6) METODOLOGI PENYELIDIKAN

Bagi menyempurnakan sebuah kajian yang bermutu, pemilihan metodologi penyelidikan yang akan digunakan untuk mendapatkan data dan maklumat adalah penting.

Dalam rangka penyelidikan ini, penulis telah mengabungkan metod-metod yang sedia ada, iaitu :-

6.1 Metod penentuan subjek

6.2 Metod pengumpulan data

6.3 Metod analisa data / penulisan

Kupasan mengenai ketiga-tiga metod di atas, adalah seperti berikut :-

Metod Penentuan Subjek

Metod ini akan digunakan oleh penulis, untuk menentukan “*sampling*” yang akan dikumpul dalam kajian itu nanti. Bagi metod ini, penulis telah

memilih teori Pengislaman Ilmu Ismā'īl al-Farūqī sebagai subjek, bagi melengkapkan kupasan mengenai pelaksanaan Konsep Sijil Terbuka (SPM) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Metod Pengumpulan Data

Dalam metod ini, penulis akan berusaha untuk mendapatkan seberapa banyak data yang didapati daripada sumber pertama atau sumber kedua. Bagi memastikan data-data yang dikumpulkan nanti akan menjadi sesuatu yang boleh dipertanggungjawabkan, maka penulis akan menggunakan beberapa metod iaitu :-

(a) Metod Historis

Penggunaan metod ini, adalah semata-mata untuk mendapatkan maklumat yang tepat, terutamanya mengenai sejarah biografi tokoh. Ianya adalah sesuatu yang kompleks, kerana fakta yang didapati berkemungkinan terdapat percanggahan. Justeru itu, penulis akan cuba menyaring dengan hanya mengambil fakta-fakta yang betul-betul sah dan benar-benar jitu. Penulis menggunakan metod ini, terutama dalam usaha untuk mengetahui :-

- (i) Latar belakang masalah iaitu mengenai sejarah biografi tokoh dan Teori Pengislaman Ilmu
- (ii) Sejarah pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM)

(b) **Metod Dokumentasi**

Penggunaan metod ini, adalah semata-mata untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang diselidiki. Dokumen yang perlu dicari oleh penulis di sini, adalah sesuatu yang boleh memberikan keterangan kepada masalah. Dokumen yang akan digunakan oleh penulis adalah berbentuk catatan, buku, jurnal, ensiklopedia dan sebagainya.

(c) **Metod Temubual**

Metod ini akan digunakan oleh penulis, untuk mendapatkan keterangan dan maklumat secara lisan dari seseorang responden. Untuk tujuan ini, penulis akan mengadakan temubual dengan beberapa orang pegawai yang terlibat dengan pengubalan Pakej Sijil Terbuka (SPM) di Kementerian Pendidikan Malaysia. Secara terperinci, adalah seperti berikut :-

(i) Pegawai di bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

(ii) Tokoh-tokoh akademik yang menganggotai pasukan pengubal Pakej Sijil Terbuka (SPM).

Metod Analisa Data

Setelah mendapat pengumpulan data-data yang perlukan, maka tugas penulis selanjutnya adalah menganalisa dan mengkaji segala maklumat yang

didapati dengan teliti. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, penulis akan menggunakan beberapa metod, iaitu :-

- (a) Metod Induktif
- (b) Metod Deduktif
- (c) Metod Komparatif

(a) Metod Induktif.

Pengalisan Induktif adalah suatu pencarian bukti yang bersifat khusus dan bertujuan untuk sampai kepada dalil yang bersifat umum. Metod ini akan digunakan oleh penulis, pada setiap bab, terutama untuk menjelaskan fenomena teori Pengislaman ilmu dan pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM). Dari maklumat khusus yang didapati tadi, penulis akan membuat kesimpulan yang berbentuk umum.

(b) Metod Deduktif

Metod Deduktif adalah suatu pengalisan yang bersifat dalil umum kemudian disimpulkan kepada hal-hal bersifat khusus. Metod ini, akan digunakan secara meluas di dalam penyelidikan dan penelitian penulis. Contohnya, dalam mengumpul data-data tentang teori Pengislaman Ilmu Ismāīl al-Farūqī. Terlebih dahulu penulis akan mencari data-data berkenaan cetusan idea tersebut, sebelum daripada itu serta pengaruhnya kepada praktik di dalam

pendidikan, terutamanya kepada pelaksanaannya di Malaysia, dan diperkecilkan kepada pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM).

(c) **Metod Komparatif**

Metod ini akan penulis lakukan bagi membandingkan secara adil terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa pengkajian dilakukan. Penulis menggunakan metod ini dalam penganalisaan beberapa aspek antaranya :-

- (i) Latar belakang masalah dalam bab I.
- (ii) Analisis dan penilaian terhadap teori Pengislaman Ilmu Ismā'īl al-Farūqī dan pelaksanaan Konsep Pakej Sijil Terbuka (SPM) di dalam bab IV.
- (iii) Kesimpulan dan saranan dalam bab V.

(7) **SUSUNAN PENULISAN**

Penulisan disertasi ini akan disusun dalam lima bab. Setiap bab mempunyai pula dua bahagian dan setiap bahagian itu mempunyai beberapa sub bab. Bab-bab itu serta isi ringkasnya, akan penulis kemukakan satu persatu :-

BAB PERTAMA :-

Didalam bab pertama penulis huraikan secara ringkas mengenai latar belakang masalah, pengertian tajuk serta rumusan masalah. Bagi menjelaskan

lagi persoalan kajian ini, penulis kemukakan objektif serta metodologi penyelidikan yang digunakan secara lengkap.

BAB KEDUA :-

Dalam bab kedua penulis telah bahagikan kepada dua bahagian utama serta dipecahkan kepada beberapa sub-subnya.

Fasal pertama, penulis tampilkan mengenai biografi ringkas Ismāīl al-Farūqī. Dalam penghuraian itu, penulis akan pecahkan kepada beberapa sub topik, iaitu :-

- (a) **Kelahirannya** :- Di sini penulis utarakan tarikh kelahirannya. Serta perkembangan pembesarannya seterusnya penulis akan bincangkan asal keturunan dan keluarganya. Seterusnya mengenai kematiannya.
- (b) **Pendidikannya** :- Setelah menghuraikan mengenai kelahiran dan pembesarannya dalam sub bab terdahulu, maka dalam sub bab ini disajikan tentang pendidikan yang ditempuhi olehnya, serta pencapaian akademik dan kepakaran yang diperolehi olehnya.
- (c) **Kerjayanya** :- Setelah dalam sub-sub di atas, dihuraikan tentang pendidikan yang diperolehinya. Maka dalam sub-sub ini penulis kemukakan tentang kerjaya yang telah diceburinya.
- (d) **Sumbangannya kepada masyarakat** :- Setelah penulis kemukakan tentang kerjayanya, maka dalam sub ini penulis paparkan pula tentang sumbangannya kepada masyarakat. Sumbangan tersebut telah penulis pecahkan kepada beberapa sub seperti :-
 - (i) Sumbangannya di Amerika Syarikat.

(ii) Sumbangannya kepada masyarakat antara bangsa.

(iii) Hubungan dan sumbangan beliau kepada masyarakat Islam di Malaysia.

- (e) **Hasil karyanya** :- Setelah penulis kemukakan tentang sumbangannya kepada masyarakat, maka di dalam sub ini penulis paparkan pula tentang hasil-hasil karya penulisan beliau, samada penulisan buku, esei dan kertas kerja.

Dalam **Fasal kedua** daripada bab ini, penulis paparkan mengenai Teori Pengislaman Ilmu menurut sejarah, dan penulis pecahkan kepada beberapa sub bab, iaitu :-

- (a) Pengislaman Ilmu serta perkembangannya menurut perspektif mutakhir.
- (b) Pengislaman Ilmu menurut perspektif Ismā'īl al-Farūqī.
- (c) Ulasan mengenai teks monograf Teori Pengislaman Ilmu al-Farūqī.

BAB KETIGA :-

Dalam bab ketiga, penulis membahagikan ianya kepada dua bahagian utama serta dipecahkan kepada beberapa sub-subnya.

Fasal pertama : Penulis tampilkan penjelasan mengenai sejarah pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM). Oleh yang demikian, dalam memberikan penjelasannya, penulis telah membahagikan kepada beberapa sub topik, antaranya :-

- (a) Penulis ketengahkan mengenai sejarah pengendalian peperiksaan persijilan di Malaysia.
- (b) Kupasan berkenaan Pakej Penawaran di dalam Sijil Terbuka.
- (c) Penjelasan mengenai perbezaan diantara Pakej Sijil Terbuka dengan Peperiksaan (SPM) sistem lama.
- (d) Huraian dan penjelasan berkenaan Pakej Pengkhususan dalam Pakej Sijil Terbuka.
- (e) Kupasan mengenai pakej yang dinamakan “Eka Pengkhususan“ dalam Sijil Terbuka.
- (f) Penjelasan mengenai pelaksanaan “Dwi Pengkhususan“ dalam Sijil Terbuka.
- (g) Ulasan dan huraian berkaitan pelaksanaan pakej-pakej dalam Sijil Terbuka di sekolah-sekolah.

Fasal kedua dalam bab ini pula, penulis tampilkan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dan kaitannya dengan pelaksanaan Persijilan Terbuka serta kaitannya dengan Pengislaman Ilmu. Dalam bahagian ini juga, penulis telah bahagikan kepada beberapa sub topik, antaranya :-

- (a) Penulis tampilkan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan perkaitannya sebagai teras KBSM serta hubungannya dengan gagasan Pengislaman Ilmu.
- (b) Kupasan mengenai konsep pendidikan bersepadu dan hubung kaitnya dengan proses Pengislaman Ilmu serta penulis tampilkan penakrifan konsep pendidikan bersepadu.
- (c) Huraian berkenaan konsep pendidikan bersepadu yang telah diamalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

langkah Pengislaman Ilmu Ismāīl al-Farūqi. Bagi menghuraikan bahagian ini, penulis telah memecahkannya kepada beberapa sub topik, antaranya :-

- (a) Penulis bandingkan diantara strategi pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM) dengan gagasan dan gerak kerja Pengislaman Ilmu Ismāīl al-Farūqi.
- (b) Penampilan berkenaan analisa langkah-langkah penyelarasan disiplin ilmu dan kesepaduan dalam Pakej Sijil Terbuka (SPM) serta perbandingan dengan gagasan Pengislaman ilmu Ismāīl al-Farūqi.
- (c) Kupasan mengenai langkah-langkah penyediaan buku teks dan penyebarannya. Serta penjelasan mengenai realiti pelaksanaan diantara kedua-duanya.

BAB KELIMA :-

Akhirnya dalam bab ini, penulis mengemukakan penutup dan kesimpulan, ulasan serta saranan berkaitan dengan tajuk kajian ini, iaitu Teori Pengislaman Ilmu Ismāīl al-Farūqi : Suatu Kajian Terhadap Pelaksanaan Pakej Sijil Terbuka (SPM) Kementerian Pendidikan Malaysia.

(8) KAJIAN SARJANA TERDAHULU TENTANG TAJUK YANG BERKAITAN

Dari kajian penulis, belum ada sebarang usaha yang telah dilakukan oleh sarjana terdahulu dalam membincangkan tajuk disertasi yang telah dipilih oleh penulis. Lebih-lebih lagi, mengenai ketokohan dan idea Pengislaman Ilmu

khusus seperti yang telah diketengahkan oleh Ismā'īl al-Farūqī serta kaitannya dengan pelaksanaan semasa.

Perbincangan dan kajian mengenai sejarah permulaan cetusan idea gagasan Pengislaman Ilmu dan penakrifannya, memang telah ada dibahaskan oleh pengkaji terdahulu.³⁴ Tetapi kajian tersebut hanya membincangkan secara umum, tanpa memfokuskan kepada seseorang tokoh.

Begitu juga dengan perbandingan di antara tokoh dengan tokoh yang lain, telah juga diperbahaskan oleh pengkaji terdahulu.³⁵ Termasuk kajian mengenai metodologi pelaksanaan Pengislaman Ilmu ke dalam disiplin-disiplin ilmu yang dicadangkan untuk diIslamisasikan.³⁶ Kajian terhadap tokoh, Ismā'īl al-Farūqī setakat ini juga, hanya dibincangkan berkaitan jasa, sumbangan dakwah dan pemikirannya.³⁷

³⁴ Antara kajian yang telah dilakukan mengenai sejarah kemunculan idea Pengislaman Ilmu adalah seperti, Dr. Wan Mohd Nor Wan Daud (1980), "*Penjelasan Budaya Ilmu*" dan "*Konsep Pengetahuan Dalam Islam*". Mohd Nasir Omar (2001), "*Gagasan Islamisasi Ilmu*", Gaafar Syekh Idris (1977), "*The Process Of Islamization*" Abdul Halim Ramli (1999), "*Pengislaman Ilmu: Satu Perspektif*" dan lain-lain lagi.

³⁵ Antara kajian perbandingan yang telah dilakukan, adalah oleh Imron Rossidy (2000), "*Islamization Of Knowledge : A Comparative Analysis Of The Conceptions Of al-Atāss And al-Farūqī*"

³⁶ Antara kajian yang telah dilakukan, seperti Abdul Hamid Abu Sulayman (1988) "*Islamization Of Knowledge : A New Approach Towards Reform Of Contemporary Knowledge*". Muhamamad Akram Khan (1994) "*An Introduction To Islamic Economics*" dan lain-lain lagi

³⁷ Antara kajian yang telah dilakukan adalah oleh Mohammad Shafiq (1994), "*Growth Of Islamic Thought In North America Focus On Ismā'īl al-Farūqī*". M.Tariq Quraishi (1987), "*Ismā'īl al-Farūqī An Enduring Legacy*"